

19 JAN 2004

Abdullah-Ketibaan/I

ABDULLAH TIBA DI MANILA UNTUK BERBINCANG MENGENAI KESELAMATAN

Oleh: Mohd Kamel Othman

MANILA, 19 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba ke sini hari ini untuk lawatan negara beliau yang pertama ke Filipina selepas menjawat jawatan Perdana Menteri pada 31 Okt tahun lepas.

Abdullah, yang tiba dengan pesawat khas dari Laos untuk kunjungan hormat, di sambut oleh Naib Presiden Filipina, Teofisto T Guingona Jr dan Setiausaha Hal Ehwat Luar, Delia Domingo Albert di Pangkalan Villamor di Pasay City, di sini.

Turut hadir untuk menyambut Perdana Menteri adalah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Salim Hashim dan Menteri-Penasihat Kedutaan Malaysia di Manila, Mohd Nazri Abdul Karim.

Perdana Menteri turut disertai oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Esok Abdullah akan mengadakan perjumpaan dengan Presiden Gloria Macapagal Arroyo untuk membincangkan pelbagai isu, termasuk mengenai berhubung kerjasama ekonomi antara dua negara dan keselamatan serantau, di samping mencari inisiatif kearah proses rundingan damai dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

Malaysia pada masa ini sedang berusaha untuk memulakan rundingan damai antara kerajaan Filipina dengan MILF.

Abdullah akan diberikan sambutan dengan adat istiadat tentera di Istana Malacanang sebelum berjumpa dengan Arroyo. Ia akan diikuti oleh mesyuarat dua hala antara pegawai-pegawai Filipina dengan Malaysia.

Arroyo dan Abdullah akan mengadakan sidang media bersama selepas pertemuan itu, dan ia akan diikuti oleh majlis jamuan makan tengah hari anjuran Presiden.

Abdullah, yang menjadi Perdana Menteri ke-lima, yang menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad, kini sedang dalam program lawatan ke negara-negara anggota Asean, tradisi yang menjadi amalan setiap pemimpin yang baru memperolehi kuasa.

Selain Laos, Perdana Menteri sudah melawat Indonesia, Singapura

dan  
Thailand.

-- BERNAMA

MKO HK AZH